

08 JAN 1999
Mahathir-Media
MAHATHIR BIDAS MEDIA ASING

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas media asing kerana memutar belitkan fakta untuk menggambarkan seolah-olah terdapat tekanan yang meningkat untuk beliau meletakkan jawatan.

"Tekanan itu datang dari media asing", katanya ketika ditanya oleh wartawan asing mengenai reaksinya berikutan peletakan jawatan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan tekanan yang dikatakan meningkat supaya beliau meletakkan jawatan.

Abdul Rahim semalam mengumumkan peletakan jawatannya, berkuatkuasa hari ini kerana mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

Abdul Rahim berkata beliau membuat keputusan untuk meletakkan jawatan berikutan kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah Selasa lepas bahawa polis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar semasa dalam tahanan polis.

Bercakap pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno selama tiga jam di sini, Dr Mahathir berkata bahawa media asinglah yang melaporkan terdapat tekanan yang meningkat untuk beliau meletakkan jawatan.

Apabila wartawan asing itu mengulangi soalnya, Dr Mahathir berkata: "Itulah yang difikirkan oleh media asing. Mereka boleh pergi dan meminta menteri-menteri mereka untuk meletakkan jawatan".

"Kita tidak biasa menjawab media asing ... Saya tidak perlu menjawab soalan yang bodoh itu", kata beliau.

-- BERNAMA
TM AHH LAT FAZ